

UMP tawar pelbagai program lepasan SPM

Kuantan: Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang masih belum memilih institut pengajian tinggi (IPT) untuk menyambung pekerjaan boleh hadir Hari Terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang pada Isnin dan Selasa ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (**gambar**), berkata hari terbuka dua hari itu diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP kampus Gambang, bertujuan membantu mereka mendapatkan maklumat dan memilih program bersesuaian bagi meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata, pelajar lepasan sekolah digalak menghadiri hari terbuka itu kerana mereka juga dapat pendedahan mengenai program yang ditawarkan di UMP terutama dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan sains bagi peringkat diploma sehingga ijazah kedoktoran.

Konsep kilang pengajaran

"Hari terbuka ini adalah sebagai pelantar bagi menonjolkan sistem pengajaran dan pembelajaran UMP. Malahan pengunjung yang datang dapat melihat sendiri program sistem pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan makmal yang menggunakan

konsep kilang pengajaran.

"Pelajar lepasan sekolah itu diberi maklumat mengenai pengisian program termasuk pertandingan projek penyelidikan yang akan memberi fokus elemen kepakaran dan kreativiti menerusi kajian dan penyelidikan dan berpeluang seterusnya berpeluang untuk dikongsi dengan masyarakat," katanya menerusi kenyataan media, di sini, semalam.

Daing Nasir juga berkata, hari terbuka itu juga akan di meriahkan dengan persembahan kebudayaan pelajar dari Universiti Yamaguchi, Jepun yang sedang mengikuti program mobiliti di UMP.

Selain itu, katanya, UMP tu-



rut mengadakan Karnival Mabbahah anjuran bersama Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) bermula Isnin ini hingga 14 Mac.

"Antara pengisian karnival ini ialah program Survival Ibadah bersama Ustaz Don Daniyal, ceramah kekeluargaan dengan tajuk 'Isteri K-POP Suami Dangdut', konsert Malam Cinta Ilahi bersama kumpulan nasyid terkenal, Raihan dan kita sasarkan kehadiran lebih 5,000 warga Kuantan," katanya.